

**GARIS PANDUAN PERBELANJAAN MAKAN DAN MINUM BAGI
MESYUARAT /KURSUS/KERAIAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga MITI berhubung kadar perbelanjaan makan dan minum bagi mesyuarat/kursus/keraian yang dijalankan di MITI/premis luar/hotel.

2. PERATURAN

- 2.1 Kadar perbelanjaan makan dan minum maksimum yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

2.1.1 Y.B. Menteri (YBM) dan Y.B. Timbalan Menteri (YBTM)

Bil.	Perkara	YBM		YBTM	
		MITI/Premis Luar	Hotel	MITI/Premis Luar	Hotel
		RM			
1.	Makan Pagi	50.00	75.00	40.00	65.00
2.	Makan Tengahari	85.00	120.00	80.00	100.00
3.	Minum Petang	50.00	75.00	40.00	65.00
4.	Makan Malam	100.00	150.00	90.00	120.00

2.1.2 Ketua Setiausaha (KSU)

Bil.	Perkara	MITI/Premis Luar (RM)	Hotel (RM)
1.	Makan Pagi	8.00	8.00
2.	Makan Tengahari	35.00	50.00
3.	Minum Petang	8.00	8.00
4.	Makan Malam	50.00	65.00

2.1.3 Selain daripada perenggan 2.1.1 dan 2.1.2

Bil.	Perkara	MITI/Premis Luar (RM)
1.	Makan Pagi	8.00
2.	Makan Tengahari	15.00
3.	Minum Petang	8.00
4.	Makan Malam	15.00

- 2.2** Makan tengahari boleh disediakan bagi mesyuarat yang diadakan berterusan dari pagi hingga ke petang dan mesyuarat yang melibatkan orang luar yang berlanjutan sehingga waktu makan.
- 2.3** Sekiranya mesyuarat berpanjangan hingga ke malam, makan malam adalah dibenarkan tertakluk kepada kadar seperti di perenggan 2.1.
- 2.4** Penempahan makan dan minuman hendaklah mengikut keahlian mesyuarat sahaja.
- 2.5** Perbelanjaan penyediaan makan dan minum hendaklah menggunakan Pesanan Tempatan (LO) yang perlu dikeluarkan sebelum tarikh mesyuarat/kursus/keraian diadakan.
- 2.6** Kelulusan KSU atau Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan (PKKP) perlu diperolehi sekiranya kadar penempahan makan dan minuman melebihi kadar yang ditetapkan.
- 2.7** Garis panduan ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling-pekeliling dan Arahan-arahan Perbendaharaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

3. KUATKUASA

- 3.1** Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

Sekian, terima kasih.

(DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA)

No. Fail : MITI/PK/14/3

Tarikh : 5 Julai 2013